

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 20/08/2007

Dr. Mahathir dimasukkan ke IJN

UM - 20/8/2007

KUALA LUMPUR 19 Ogos - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) di sini, semalam untuk pemeriksaan rutin.

Pegawai khasnya, Sufi Yusoff berkata, Dr. Mahathir dimasukkan pada pukul 5.30 petang.

Beliau dijangka keluar dari IJN esok selepas menyempurnakan pemeriksaan kardium yang komprehensif, kata Sufi dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dr. Mahathir telah menjalani pembedahan pintasan arteri koronari pada 1989 dan sejak itu melakukan pemeriksaan rutin berkala di IJN.

- Bernama